

Kuala Lumpur sebagai destinasi kreatif

Pentas Seni Merdeka martabatkan seni budaya dan aktifkan kegiatan seni di ibu kota.

HUJAN lebat tanpa henti yang membasahi bumi Kuala Lumpur sejak petang sehingga tengah malam pada 12 Oktober lalu tidak menjadi penghalang kepada penganjuran acara Pentas Seni Merdeka untuk diteruskan.

Walaupun sedikit gusar melihat keadaan cuaca yang tidak begitu mengizinkan, penganjuran acara memasuki tahun ketiga itu tetap berlangsung meskipun dalam kebasahan.

Kelibat pengunjung masih kelihatan memeriahkan dan sama-sama merayakan acara yang penuh dengan pengisian seni dan berwarna-warni.

Pentas Seni Merdeka yang berlangsung di kawasan Warisan Dataran Merdeka Kuala Lumpur itu merupakan sebahagian daripada Festival Kreatif KL iaitu inisiatif daripada memorandum Persefahaman antara Think City dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Pada masa sama, Pentas Seni Merdeka juga sebahagian daripada

Pelan Induk Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur serta Kerangka Ekonomi Madani.

Pelaksanaan Pentas Seni Merdeka bertujuan untuk menghidupkan sejarah dan budaya di kawasan Warisan Dataran Merdeka, selain mentransformasikan pusat bandar Kuala Lumpur dengan mengaktifkan ruang awam sarat kegiatan kreatif.

Untuk edisi tahun ini, Pentas Seni Merdeka mengetengahkan seni tarian tradisional yang lahir daripada pertembungan budaya di Selat Melaka iaitu Ronggeng Melayu.

Persembahan oleh Nusantara Performing Arts Research Centre (NusPARC) dan Nyala Dance Theatre bersama penari berbakat tempatan itu turut dimeriahkan oleh Kombo Budaya DBKL, Artis Budaya DBKL dan



Pentas Seni Merdeka yang berlangsung di kawasan Warisan Dataran Merdeka tetap meriah walaupun cuaca hujan.



Penganjuran Pentas Seni Merdeka pada tahun ini menengahkan tarian tradisional Ronggeng Melayu.

Artis Tari Kanak-Kanak DBKL.

Selain persembahan Ronggeng Melayu, Pentas Seni Merdeka turut menampilkan pelbagai kegiatan kesenian lain seperti aktiviti mencanting batik dan permainan tradisional seperti congkak.

Pentas Seni Merdeka ternyata menjadi contoh bagaimana masyarakat boleh memperkukuhkan kedudukan bandar Kuala Lumpur sebagai destinasi kreatif yang diiktiraf.